

Penduduk hidup ketakutan

Gua Musang: Penduduk Orang Asli di Pos Pasik cemas apabila terserempak sekor gajah liar memusnahkan tanaman mereka dalam kejadian di sini, semalam.

Kejadian jam 7.20 pagi itu berlaku ketika penduduk dalam kebun pisang di tepi sungai kampung itu sebelum terdengar bunyi mengejutkan.

Penghulu Tanpa Mukim Pos Pasik, Salim Chimbong, 43, berkata, gajah jantan itu dipercayai seminggu berkeliaran di kampung itu.

Katanya, haiwan itu diperdayai keluar dari hutan dan berkeliaran di kampung itu sejak jam 3 pagi hingga terserempak penduduk.

"Bagaimanapun, gajah itu tidak mengganggu kediahan hingga ditemui di kawasan kebun pisang sebelum lari merintasi sungai.

"Berikutnya itu, pohon pisang, kelapa dan padi bukit musnah. Penduduk di sini bergantung kepada hasil tanaman itu sebagai sumber pendapatan," katanya.

Hamid Saling, 35, pula berkata, sudah seminggu penduduk ketakutan apabila terserempak gajah itu.



GAJAH jantan liar memusnah tanaman pisang penduduk Orang Asli di Pos Pasik.

Katanya, walaupun belum berlaku kejadian tidak diingini termasuk menyerang rumah penduduk, tetapi bimbang dengan keselamatan.

"Selagi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) tidak menghalauinya mungkin lebih kerap masuk kampong.

"Kami tinggal dalam keadaan ketakutan kerana bimbang gajah itu menyerang rumah hingga mengancam keselamatan," ka-

tanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Hanif ketika dihubungi berkata, pihaknya menghantar anggota ke lokasi sejak dua hari lalu untuk melakukan penyiasatan dan memantau perkembangan pergerakan gajah itu.

"Memang ada gajah berkeliaran di kampung itu namun anggota masih melaksanakan pemantauan, mengesan dan menjaga keselamatan penduduk," katanya.